

## **Acceptance of Students with Disabilities at Work for Industrial Training**

(Penerimaan Majikan Terhadap Kehadiran Pelajar Kurang Upaya Dalam Menjalani Latihan Industri)

Nor Asfarul Lail Azwan Haris<sup>a</sup>, Ardzulyna Anal<sup>b</sup>, Aznan Che Ahmad<sup>c</sup>

<sup>a</sup>*Kolej Komuniti Selayang, Selangor, Malaysia.*

<sup>b</sup>*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.*

<sup>c</sup>*Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.*

**Abstract :** This research is a qualitative research to identify challenges and acceptance gone through by employers accepting students with disabilities in learning and deaf & mute from Community College Certificate in Basic Culinary to practice industrial training, duration of four months. Data for the research has been collected through the medium of interview with some of the employers involved. Four respondents who reacted to this interview are those who have opened their own food manufacturing companies with more than five years vast experiences. The outcome of the research noticed that the employers having tough challenges to accept students with disabilities. The research noted that there are employers who accept students with disabilities and vice versa. The employers who accept, sometimes go through few difficulties handling the students. Factors contributing to these are such as the arrival of students with disabilities may sound new to employers, difficulties in communicating, employers not sure with the students abilities and lack of experience hiring workers with disabilities. Nevertheless, the outcome of research with supports from parents, family members, colleagues and my own employer to give confidence to Community College students with abilities to undertake responsibilities given with great capabilities and were offered with job opportunities by employers.

**Keywords:** Student with disabilities, Community College, Industrial Training, Employer

**Abstrak :** Kajian ini adalah merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dan penerimaan yang dihadapi oleh pihak majikan yang mengambil pelajar masalah pendengaran dan masalah pembelajaran daripada Kolej Komuniti dalam jurusan Sijil Kemahiran Khas Asas Kulinari untuk menjalani latihan industri selama empat bulan di perusahaan mereka. Data bagi kajian ini telah dikumpul melalui kaedah temu bual separa berstruktur. Keempat-empat responden dalam kajian ini merupakan majikan yang telah membuka perusahaan mereka lebih daripada lima tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai cabaran dan penerimaan daripada pihak majikan yang telah dikenal pasti oleh para pengkaji. Terdapat pihak majikan yang telah bersedia dan boleh menerima baik kehadiran pelajar kurang upaya ini untuk bekerja di perusahaan mereka manakala terdapat juga daripada pihak majikan yang berasa tertekan pada peringkat awal apabila menerima kehadiran para pelajar ini untuk bekerja di syarikat perusahaan mereka. Ini disebabkan ciri-ciri pelajar kurang upaya yang dianggap adalah sesuatu yang baharu pada mereka, cara komunikasi, tidak pasti dengan tahap keupayaan dan kebolehan mereka serta tiada pengalaman langsung mengendalikan pekerja daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) menjadikan para responden ini tidak bersedia untuk menerima pelajar berkeperluan khas ini. Namun, hasil kajian mendapati berkat sokongan ibu bapa dan ahli keluarga, sokongan rakan sekerja serta peluang dan ruang yang diberikan oleh pihak majikan sendiri membolehkan para pelajar kurang upaya daripada Kolej Komuniti ini dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik serta telah ditawarkan peluang bekerja oleh pihak majikan untuk terus bekerja di syarikat mereka.

**Kata Kunci:** Pelajar kurang upaya, Kolej Komuniti, Latihan Industri, Majikan